

INFO

Peta rakyat Malaysia seludup dadah dari Kuala Lumpur ke Bali



AFP

INILAH dua warga Malaysia yang ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai, Bali kerana didakwa menyeludup dadah pada 20 Oktober lalu.

INFO

Warga Malaysia ditahan seludup dadah

● **9 Ogos 2016** - Tiga rakyat Malaysia ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Lombok, Indonesia kerana cuba menyeludup dadah jenis methamphetamine seberat 1.9 kilogram dengan menyembunyikannya dalam seluar dalam

● **24 Mac 2016** - Polis Thailand menahan 21 rakyat Malaysia yang cuba menyeludup masuk 226 kilogram dadah jenis methamphetamine dan lapan kilogram heroin bernilai berjuta-juta ringgit dengan menggunakan kereta api dari utara Thailand ke Butterworth, Pulau Pinang

● **22 Mei 2014** - Cubaan seorang wanita rakyat Malaysia untuk menyeludup syabu dengan menyembunyikan dadah itu dalam seluar dalamnya gagal apabila ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Juanda, Surabaya, Indonesia

● **19 Disember 2014** - Seorang remaja antara dua lelaki rakyat Malaysia yang disyaki menyeludup dadah ditahan pihak berkuasa Singapura dalam insiden berasingan di Pusat Pemeriksaan Woodlands dan Pusat Pemeriksaan Tuas bersama kira-kira 5.9 kilogram ganja dan 465 gram heroin dianggarkan bernilai lebih S\$227,000 (RM600,269) di pasaran gelap

● **27 April 2011** - Sekumpulan 10 rakyat Malaysia berusia dalam lingkungan awal 20-an dan lewat 60-an, ditahan di Lapangan Terbang Auckland selepas cuba menyeludup masuk dadah jenis methamphetamine ke New Zealand yang disembunyikan di dalam kasut mereka

Seludup dadah untuk diedarkan ke sebuah pusat hiburan di Bali, Indonesia

Sah warga Malaysia ditahan

JAKARTA – Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia semalam mengesahkan penangkapan dua rakyat Malaysia di Bali kerana didakwa terbahit dalam pengedaran dadah. Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim berkata, pihak berkuasa Indonesia telah memberi maklumat rasmi mengenai penangkapan kedua-dua rakyat Malaysia terbabit yang berasal dari Selangor dan Negeri Sembilan.

pada mereka,” katanya kepada *Bernama* di sini.

Zahrain berkata, pihak kedutaan telah menghubungi keluarga mereka di Malaysia bagi memaklumkan mengenai kejadian itu.

Menurutnya, mereka kini ditahan di Balai Polis Daerah Bali untuk siasatan lanjut dan pihak kedutaan setakat ini masih belum menemui mereka.

Kedua-dua rakyat Malaysia itu ditahan pihak berkuasa Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai di Bali pada 20 Oktober lalu setelah didapati membawa lebih 100 biji pelbagai jenis dadah iaitu 70.67 gram marijuana, 2.89 gram syabu, 15 biji pil ekstasi dan 150 biji pil khayal jenis nimetazepam atau dikenali

sebagai Happy-5 selain lebih 70 gram ganja.

Ketua Kastam Ngurah Rai, Budi Harjanto berkata, kedua-dua lelaki rakyat Malaysia berumur 22 dan 36 tahun itu memasuki Bali dengan menaiki pesawat dari Kuala Lumpur.

Mereka ditahan ketika melalui bahagian pemeriksaan bagasi di lapangan terbang di Bali.

Beliau berkata, melalui pemeriksaan badan, pihaknya turut menemui beberapa potongan pokok ganja yang disembunyikan dalam stoking salah seorang daripada mereka.

Budi berkata, siasatan awal mendapati mereka membawa dadah itu bagi tujuan pengedaran di sebuah pusat hiburan



ZAHRAIN

Kesno
3011016
mls 3

di Bali.

Akhbar *Jakarta Post* kelmarin melaporkan dua orang rakyat Malaysia telah ditahan oleh pegawai kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai di Denpasar, Bali kerana percubaan menyeludup dadah ke pulau peranginan itu baru-baru ini.

Menurut akhbar itu, dua-dua mereka itu ditahan pada 20 Oktober lalu sebaik tiba dengan menaiki pesawat Penerbangan Malaysia MH851 dari Kuala Lumpur.

Akhbar itu melaporkan, jika didapati bersalah, mereka boleh berhadapan hukuman maksimum penjara 15 tahun dan denda sebanyak 10 bilion rupiah (RM3.2 juta) setiap seorang.

Kedua-dua mereka juga akan didakwa melanggar Artikel 113 (1) dalam Undang-Undang Narkotik 2009.